

## ***Al-Sulh* (Perdamaian) Menurut Perspektif al-Qur'an**

Mohd Asmadi Yakob<sup>1\*</sup>, Nasif Sidquee Pauzi<sup>2</sup>,  
Ahmad Faiz Ahmad Ubaidah<sup>2</sup>, Makiah Tussaripah Jamil<sup>2</sup>,  
Rafidah Mohd Azli<sup>3</sup>, Dziauddin Sharif<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies,  
Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia

<sup>2</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA,  
Kampus Seremban 3, 70300 Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>3</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA,  
Kampus Kuala Pilah, 72000 Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>4</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA,  
Kampus Bandaraya Melaka, 75300 Melaka, Malaysia

\*Pengarang Penghubung:  
asmadi716@salam.uitm.edu.my

### **ABSTRAK**

*Sulh* bermaksud perdamaian apabila satu kontrak diadakan bagi mencapai perdamaian antara dua pihak yang bertelagah. *Sulh* mempunyai peranan yang besar kepada masyarakat Islam bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang aman sejahtera. Menyedari peranan *Sulh* sebagai satu kaedah penting bagi mencari perdamaian antara pihak yang bertelagah, kertas ini akan membincangkan konsep *Sulh* menurut perspektif al-Qur'an. Artikel ini merupakan suluhan awal bagi projek FRGS kami yang bertajuk 'Adaptasi Model Rangka Kerja Sulh menurut Islam di Malaysia'. Kajian ini mengaplikasikan metode kajian perpustakaan dengan meneliti ayat-ayat al-Qur'an yang membincangkan tentang *Sulh* selain menyoroti perbincangan para mufassir tentang konsep *Sulh*. Metodologi yang digunakan ini bagi menyiapkan kajian ini sebenarnya adalah berdasarkan metodologi tafsir Mawdu'i yang membuat kajian makna lafaz *Sulh* berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an sendiri.

**Kata Kunci:** Sulh, perspektif al-Quran, Tafsir Mawdu'i.

### **ABSTRACT**

*Sulh* is defined as an arbitration contract to solve a disputation between two or more parties. By conducting *Sulh*, the muslim society can achieve the peace and harmony in various aspects of life. Realizing the importance of *Sulh* towards disputation resolution in Muslim society, this paper aims to discuss the concept of *Sulh* according to the Quranic perspective. The discussion is regarded as a

preliminary study towards the completion of a research entitled “Adaptation of Sulh Framework in Malaysia: An Islamic Perspective”. The word of "SULH" is examined by using the method of thematic approach based on Quranic exegesis and library research. This paper found five types of Sulh that could be applied as the arbitration resolution in Muslims' disputation. The findings are expected to contribute a grounded concept about Sulh.

**Keywords:** Sulh, Quranic perspective, thematic approach.

## 1. Pendahuluan

Perdamaian dalam Islam terjalin dengan seluruh kehidupan dan hubungan kemanusiaan. Hal ini dapat dilihat dalam lakaran sejarah yang berlaku pada zaman Islam mula bangkit sehinggalah ke hari ini. Di dalam Islam, perdamaian itu merupakan aturan ataupun sistem yang telah dijadikan oleh Allah SWT agar umat manusia dapat hidup dengan aman damai. Semua makhluk yang diciptakan Allah sudah pasti akan hidup dengan aman sekiranya aturan ataupun sistem yang dijadikan oleh Allah SWT itu dipatuhi dengan baik. Kesemua sistem kehidupan, sama ada sistem perundangan, sistem ekonomi dan sistem sosial telah termaktub di dalam al-Quran, dan Rasulullah SAW diutuskan kepada umat manusia ini bagi memastikan segala sistem dan isi kandungan yang terkandung di dalam al-Quran itu dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

## 2. Memahami Konsep al-Sulh

*Al-Sulh* adalah perkataan yang berasal daripada bahasa Arab yang membawa erti perdamaian. Walau bagaimanapun, untuk memahami perkataan ini dengan lebih jelas, maka sewajarnya definisi *al-sulh* ini dilihat menurut huraian kamus-kamus yang muktabar agar kefahaman terhadap topik ini dapat dirungkai dengan lebih baik. Untuk itu, penulis telah memilih beberapa pandangan dan definisi yang dikemukakan oleh beberapa sarjana dalam bidang bahasa arab dan fiqh.

Apabila menghuraikan sesuatu perkataan yang menjadi topik perbincangan sesuatu perkara, maka huraian tersebut mestilah meliputi definisi dari segi bahasa dan juga definisi dari segi istilah. Oleh sebab itu, maka rujukan terhadap sarjana dalam bidang bahasa arab dan fiqh perlu disepadukan untuk mendapatkan definisi yang terbaik.

Di dalam kitab *al-Ta'rifat* menyatakan bahawa *al-sulh* dari segi bahasa bermaksud kata nama (اسم) yang berasal daripada perkataan

المصالحة yang bererti perdamaian atau melakukan perdamaian setelah berlakunya perbalahan atau pertelingkahan. Manakala dari segi istilah syara' pula, *al-sulh* bermaksud perjanjian atau persetujuan untuk menyelesaikan perbalahan atau pertelingkahan (Al-Jurjani, t.t).

Sedikit tambahan telah dibuat oleh Muhammad 'Imarah dalam mendefinisikan *al-sulh*. Beliau menambah dengan menyatakan bahawa perkataan المصالحة itu diambil daripada perkataan الصلح dan الاستقامة yang bermaksud kebaikan. Dari segi istilah syara' pula, definisi yang diberikannya adalah sama dengan definisi yang diberikan oleh al-Jurjani iaitu ikatan perjanjian untuk menyelesaikan perbalahan dengan maksud dan tujuan untuk menghilangkan pergaduhan yang berlaku ('Imarah, 1993).

Perkataan ringkas telah digunakan untuk memberi definisi terhadap *al-sulh* di dalam *Qamus al-Muhit*. *Al-Sulh* didefinisikan sebagai *al-Silm* (السلام), dan perkataan *al-Salah* (الصلاح) adalah lawan kepada perkataan *al-fasad* (الفساد) iaitu kebaikan lawan kepada keburukan atau kerosakan. (Al-Zawi, 1970). Huraian yang terperinci diberikan oleh 'Ali bin Muhammad al-Jumu'ah dalam tulisan beliau untuk mendefinisikan *al-sulh*. Menurut beliau dari segi bahasa *al-sulh* bermaksud kata nama yang bermakna perdamaian dan saling berdamai. Ia adalah lawan kepada pergaduhan dan saling bertelingkah. Dari segi istilah pula, *al-sulh* bermaksud perjanjian yang dilakukan untuk melenyapkan pertelingkahan dan perjanjian itu menjurus kepada kata sepakat di antara pihak yang bertelingkah (Al-Jumu'ah, 2000).

Selain itu, beliau turut menghuraikan jenis-jenis *al-sulh* dengan tujuan agar mudah difahami. Pembahagian jenis *al-sulh* dibahagikan kepada lima iaitu (Al-Jumu'ah 2000):

1. *al-Sulh* di antara kaum muslimin dan golongan kuffar. Perbincangan topik ini dinyatakan oleh para fuqaha' dalam *Kitab al-Jihad*.
2. *al-Sulh* di antara pemerintah yang adil dengan golongan pemberontak (*al-baghy*). Topik ini dibincangkan oleh para fuqaha' apabila berbincang tentang *al-bughah*.
3. *al-Sulh* di antara pasangan suami isteri apabila dikhuatiri akan berlakunya perselisihan (*al-shiqaq*) di antara kedua pasangan, atau apabila isteri bimbang suami akan menjauhinya. Perbincangan ini diletakkan oleh 'ulama' dalam topik pergaulan wanita dan nusyuz.

4. *al-Sulh* di antara golongan yang bertelingkah bukan dalam urusan harta, seperti *jinayat al-'amad*. Perbincangan topik ini diletakkan dalam topik *al-qisas* dan *al-diyat*.
5. *al-Sulh* di antara golongan yang bertelingkah dalam urusan harta. Perbincangan topik ini diletakkan di dalam topik muamalat ataupun ekonomi.

Menurut Ibn Qayyim, *al-sulh* itu terbahagi kepada dua iaitu (Al-Jumu'ah, 2000):

1. *Sulh 'Adil* yang hukumnya adalah harus. Ia bertujuan untuk mendapat reda Allah dan juga reda pihak yang bertelingkah. Asasnya adalah ilmu dan keadilan.
2. *Sulh Ja'ir* yang hukumnya adalah tertolak (haram). Ia bertujuan untuk menghalalkan apa yang haram serta mengharamkan apa yang halal, seperti *al-sulh* yang mengandungi unsur riba.

Mahmud 'Abd al-Rahman 'Abd al-Mun'im membawakan beberapa pandangan 'ulama' yang mendefinisikan *al-sulh*. Antaranya ialah pandangan al-Raghib al-Asfahani yang menyatakan bahawa *al-sulh* itu dikhususkan untuk menghilangkan kebencian di kalangan manusia. (Al-Mun'im, 1999). Definisi yang dinyatakan oleh beliau adalah sama dengan definisi yang dinyatakan sebelum ini, tetapi beliau ada menyatakan bahawa *al-sulh* adalah perjanjian yang dilaksanakan untuk menyelesaikan pertelingkahan di antara golongan yang bergaduh. Perjanjian tersebut akan menjurus kepada kata sepakat di antara pihak yang bertelingkah dan ia adalah ikatan perjanjian yang berteraskan keredaan. Mazhab Maliki menambah dengan menyatakan perjanjian itu adalah berbentuk pencegahan (pencegahan daripada bertelingkah).

Mahmud 'Abd al-Rahman 'Abd al-Mun'im turut menyatakan bahawa terdapat hubungan antara memaafkan (العفو) dengan perdamaian (الصلح). Perbezaannya adalah dari aspek umum dan khusus di mana *al-sulh* adalah lebih umum berbanding *al-'afw*.

Demikianlah beberapa definisi yang dapat dibawakan di sini. Definisi *al-sulh* yang dinyatakan di atas kebanyakannya menyatakan bahawa *al-sulh* adalah perdamaian dan ianya adalah suatu perjanjian yang dimeterai oleh dua pihak yang bertelagah atau yang berselisih pendapat untuk mencapai kata sepakat supaya kedua-dua pihak saling reda-meredai.

Kesimpulannya, *al-sulh* merupakan salah satu jalan yang disediakan oleh Islam untuk kaum muslimin menggunakannya bagi memastikan kehidupan yang aman tenteram dapat dipelihara. Dengan adanya pilihan untuk melakukan perjanjian damai, maka pihak yang berselisih pendapat dapat mencapai kata sepakat demi menjaga nama baik dan maruah serta imej agama Islam. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa proses *al-sulh* yang dibenarkan oleh Islam adalah *al-sulh* yang tidak melibatkan hukum halal menjadi haram ataupun sebaliknya. Ini kerana walaupun umat Islam diberi kebebasan untuk melakukan perjanjian damai, namun setiap muslim masih terikat dengan hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

### 3. Al-Sulh menurut al-Quran

Al-Quran merupakan sumber rujukan utama apabila membicarakan topik yang berkaitan dengan Islam. Perkataan *al-sulh* yang terbina daripada tiga huruf 'Arab iaitu *sad*, *lam* dan *ha* disebut dalam pelbagai bentuk di dalam al-Quran. Antaranya ialah *salaha* (صَلَح), '*aslaha* (أَصْلَح), '*aslaha* (أَصْلَحَا), '*aslahna* (أَصْلَحْنَا), '*aslahu* (أَصْلَحُوا), '*aslahau* (أَصْلَحُوا), *tuslihu* (تَصْلَحُوا), *yuslih* (يُصْلِح), *yusliha* (يُصْلِحَا), *yuslihun* (يُصْلِحُونَ), '*aslih* (أَصْلِح), '*aslihu* (أَصْلَحُوا), *al-sulh* (الصَّلْح), *sulhan* (صَلْحًا), *salih* (صَالِح), *salihan* (صَالِحًا), *al-salihun* (الصَّالِحُونَ), *salihayn* (صَالِحَيْن), *al-salihin* (الصَّالِحِينَ), *al-salihah* (الصَّالِحَات), '*islah* (إِصْلَاح), '*islahan* (إِصْلَاحًا), '*islahiha* (إِصْلَاحَهَا), *al-muslih* (المُصْلِح), *muslihun* (مُصْلِحُونَ) dan *al-muslihin* (المُصْلِحِينَ) (Al-Baqi, 1992).

Di dalam al-Quran terdapat beberapa ayat yang menyatakan perbincangan mengenai perdamaian atau *al-sulh*. Antaranya ialah ayat ke-128 di dalam surah al-Nisa' iaitu:

*Dan jika seorang wanita khawatir akan nusyuz atau bersikap tidak acuh dari suaminya, maka tidak mengapa bagi keduanya mengadakan perdamaian yang sebenar-benarnya, dan perdamaian itu lebih baik bagi mereka walaupun manusia itu menurut tabiatnya kikir, dan jika kamu bergaul dengan isterimu secara baik dan memelihara dirimu dari nusyuz dan sikap tak acuh, maka sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan*

(Surah al-Nisa' 4: 128)

Ayat ke-128 surah al-Nisa' ini adalah satu-satunya ayat yang menyatakan perkataan *al-sulh* secara jelas. Justeru, ayat ini memberi

gambaran tentang harusnya untuk melakukan perdamaian di antara pasangan suami isteri apabila berlaku perselisihan faham di dalam hubungan suami isteri.

Di dalam kebanyakan tafsir menyatakan bahawa ayat ini menceritakan tentang isteri Rasulullah SAW yang bernama Sawdah bint Zam'ah yang telah melakukan perdamaian atau *al-sulh* dengan Rasulullah SAW kerana beliau bimbang akan diceraikan oleh baginda SAW Beliau telah bersetuju untuk menyerahkan giliran bermalam Rasulullah SAW bersama beliau kepada 'A'ishah dengan syarat Rasulullah SAW tidak menceraikannya (Al-Qurtubi, 1993).

Menurut Imam al-Qurtubi, perkataan *al-sulh* di dalam ayat ini adalah lafaz '*am mutlaq* yang bermaksud semua perdamaian yang bertujuan untuk memberi ketenangan jiwa dan menghilangkan segala perselisihan yang berlaku dalam hubungan suami isteri. Anjuran untuk melakukan perdamaian ini adalah diharuskan bahkan digalakkan kerana perdamaian yang dilaksanakan di antara suami isteri adalah lebih baik daripada bercerai atau berpisah. *Al-Sulh* yang dimaksudkan di dalam ayat ini juga adalah meliputi semua aspek perdamaian antara suami isteri, termasuk urusan harta benda atau hubungan intim suami isteri dan lain-lain lagi (Al-Qurtubi, 1993).

Terdapat ayat lain di dalam surah al-Nisa' yang turut menyatakan tentang *al-sulh*. Ayat tersebut ialah ayat ke-114 iaitu:

*Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisikan-bisikan mereka, kecuali bisikan-bisikan dari orang yang menyuruh (manusia) memberi sedekah, atau berbuat ma'ruf, atau mengadakan perdamaian di antara manusia. Dan barangsiapa yang berbuat demikian kerana mencari keredaan Allah, maka kelak Kami memberi kepadanya pahala yang besar.*

(Surah al-Nisa' 4: 114)

Ayat di atas memberi maklum kepada setiap muslim agar melakukan perkara-perkara yang baik seperti menyuruh manusia memberi sedekah, menyuruh manusia melakukan perkara-perkara yang terpuji dan menyuruh manusia mendamaikan di kalangan manusia. Ternyata suruhan untuk melakukan perdamaian menjadi salah satu fokus ayat ini.

Suruhan untuk melakukan perdamaian di kalangan manusia, adalah meliputi segala aspek sama ada memerdamaikan manusia yang bertelagah dalam urusan harta ataupun bertelagah dengan hal-hal lain. Perkara ini dapat dilihat dalam tafsiran yang dinyatakan oleh Imam al-

Qurtubi di dalam tafsirnya. Imam al-Qurtubi juga menyatakan bahawa Anas bin Malik r.a. meriwayatkan bahawa sesiapa yang memperdamaikan antara dua individu yang berbalah, Allah akan melepaskannya dari seksaan api neraka (Al-Qurtubi, 1993).

Rasulullah SAW pernah bertanya kepada Abu Ayyub: “Adakah engkau ingin mengetahui sedekah yang disukai Allah dan rasul-Nya? Hendaklah engkau mendamaikan antara manusia apabila mereka saling melakukan kerosakan, hendaklah engkau dekatkan hubungan antara mereka apabila mereka saling berjauhan.

Selain itu ada lagi ayat al-Quran yang turut membincangkan persoalan perdamaian ataupun *al-sulh*. Ayat tersebut adalah ayat ke-9 dalam surah al-Hujurat, ayat tersebut adalah seperti berikut:

*Dan jika ada dua golongan dari orang-orang mukmin berperang maka damaikanlah antara keduanya. Jika salah satu dari kedua golongan itu berbuat aniaya terhadap golongan yang lain maka perangilah golongan yang berbuat aniaya itu sehingga golongan itu kembali, kepada perintah Allah; jika golongan itu telah kembali (kepada perintah Allah), maka damaikanlah antara keduanya dengan adil dan berlaku adillah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil.*

(Surah al-Hujurat, 49: 9)

Menurut Imam Fakhr al-Din al-Razi, di dalam ayat ini dinyatakan gesaan dan perintah agar didamaikan apabila berlaku pertelingkahan di antara dua puak dalam kaum mukminin. Sekiranya pihak yang berlaku zalim atau bertelingkah itu di bawah penguasaan pemerintah, maka menjadi kewajiban terhadap pemerintah untuk mempertahankan pihak yang dizalimi dan didamaikan pertelingkahan yang berlaku. Dan sekiranya pemerintah itu yang bertelingkah atau melakukan kezaliman, maka wajib ke atas kaum muslimin untuk menegahnya dengan memberi nasihat (Al-Razi, 1994).

Kebanyakan mufasirin menyatakan bahawa ayat ini diturunkan kerana berlaku perbalahan di antara kaum muslimin dengan ‘Abdullah bin Ubay. Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa ayat ini diturunkan kerana berlaku perbalahan di antara kaum ‘Aus dan Khazraj. (Al-Qurtubi, 1993) Ternyata di dalam ayat ini dijelaskan persoalan perdamaian yang harus dijaga oleh setiap muslim. Menjadi tanggungjawab setiap muslim terutama sekali pemerintah untuk

memastikan bahawa kaum muslimin hidup dalam keadaan aman dan damai.

Seterusnya, di dalam surah yang sama, pada ayat ke-10 perbincangan mengenai perdamaian atau *al-sulh* diteruskan:

*Sesungguhnya orang-orang mukmin adalah bersaudara kerana itu damaikanlah antara kedua saudaramu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu mendapat rahmat.*

(Surah al-Hujurat, 49:10)

Menurut Imam al-Qurtubi, di dalam ayat ini menjelaskan bahawa perintah untuk mendamaikan pertelingkahan atau perselisihan yang berlaku di kalangan kaum muslimin. Kaum muslimin dianggap bersaudara dan mempunyai hubungan persaudaraan seagama. Pendapat lain menyatakan bahawa ayat ini ditujukan kepada kaum 'Aus dan Khazraj yang bertelingkah (Al-Qurtubi, 1993).

Ayat ini dan juga ayat yang sebelumnya menjadi dalil bahawa perbuatan memberontak atau bertelingkah itu tidaklah menjadikan seseorang itu ke tahap tidak beriman. Ini kerana Allah SWT. menggunakan perkataan "al-mu'minin" yang membuktikan bahawa orang yang bertelingkah itu masih beriman. Persoalan ini pernah diajukan kepada Saiyyidina 'Ali, adakah golongan pemberontak itu dikira terkeluar dari iman atau dikira musyrik, lantas dijelaskan oleh beliau bahawa golongan tersebut tidak dikira terkeluar dari iman sebaliknya mereka adalah saudara seagama yang memberontak (Al-Qurtubi, 1993).

Demikianlah beberapa ayat yang menjelaskan tentang perdamaian atau *al-sulh*. Pada ayat-ayat yang telah dinyatakan di atas, menjelaskan kepada kita bahawa Islam sangat mementingkan dan menggalakkan kaum muslimin supaya sentiasa berusaha untuk mencapai kata sepakat atau permuafakatan. Ini bertujuan untuk menjaga perpaduan dan keutuhan persaudaraan di kalangan umat Islam.

Tumpuan ayat yang dinyatakan dalam surah al-Nisa' mengenai sifat mengalah isteri menunjukkan bahawa Islam amat menggalakkan agar pasangan suami isteri berusaha sedaya upaya untuk menjaga dan mempertahankan institusi kekeluargaan. Ternyata Islam sangat menjaga keutuhan sesebuah keluarga agar tidak bercerai dan berpecah belah, kerana di dalam Islam, keluarga memainkan peranan penting dalam membentuk sesebuah masyarakat.

Di dalam ayat ke-114 surah al-Nisa' juga dinyatakan ganjaran-ganjaran lumayan yang akan diperolehi oleh seseorang yang mendamaikan manusia yang bertelagah. Ganjaran-ganjaran yang



dijanjiikan oleh Allah dan Rasulullah SAW itu menjadi pendorong kepada kaum muslimin untuk saling bertolak ansur dan sentiasa mementingkan keharmonian di kalangan umat Islam.

Selain itu, perbincangan *al-sulh* di dalam surah al-Hujurat memberi gambaran bahawa ikatan persaudaraan di kalangan kaum muslimin menjadikan hubungan sesama umat Islam suatu hubungan yang unik. Maka sewajarnya gesaan dan galakan yang diperintahkan oleh Allah SWT. agar kaum muslimin menjaga hubungan dan saling memaafkan dipatuhi demi menjaga tali persaudaraan yang terbina di atas satu aqidah yang jitu.

#### **4. Penutup**

Secara kesimpulannya Al-Sulh yang dibincangkan memberi maksud perdamaian yang dilakukan oleh dua pihak yang berselisih faham untuk mencapai kata sepakat demi menjaga kebaikan kedua-dua pihak. Apabila diteliti ayat-ayat al-Quran, didapati ayat-ayat tersebut membincangkan konsep perdamaian bukan sahaja dalam satu aspek, tetapi perdamaian yang dibincangkan dalam al-Quran adalah dalam konteks yang berbeza-beza. Antara aspek perdamaian yang dibincangkan dalam al-Quran adalah perdamaian antara suami isteri yang berselisih faham, perdamaian antara sesama umat Islam dan perdamaian antara golongan yang memberontak dengan pemerintah yang 'adil.

#### **5. Rujukan**

Ali bin Muhammad al-Jurjani (t.t.), *Kitab al-Ta'rifat*, Singapura: al-Hayman.

Muhammad 'Imarah (1993), *Qamus al-Mustalahat al-Iqtisadiyyah fi al-Hadarah al-Islamiyyah*, Beirut: Dar al-Shuruq.

Al-Tahir Ahmad al-Zawi (1970), *Tartib al-Qamus al-Muhit 'Ala Tariqah al-Misbah al-Munir wa Asas al-Balaghah*, t.t.p: 'Isa al-Babi al-Halabi wa Shirkah.

Ali bin Muhammad al-Jumu'ah (2000), *Mu'jam al-Mustalahat al-Iqtisadiyyah wa al-Islamiyyah*, al-Riyad: Maktabah al-'Abikan.

Mahmud ‘Abd al-Rahman ‘Abd al-Mun‘im (1999), *Mu‘jam al-Mustalahat wa al-Alfaz al-Fiqhiyyah*, Kaherah: Dar al-Fadilah.

al-Raghib al-Asfahani (2002), *Mufradat Alfaz al-Qur‘an*, (tahqiq) Safwan ‘Adnan Dawudi, Damsyik: Dar al-Qalam.

Muhammad Fu‘ad ‘Abd al-Baqi (1992), *al-Mu‘jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur‘an al-Karim*, (t.t.p), Dar al-Fikr.

Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi (1993), *al-Jami‘ li Ahkam al-Qur‘an*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Muhammad al-Razi Fakhr al-Din ibn Diya’ al-Din ‘Umar (1994), *Tafsir al-Fakhr al-Razi al-Mushtahir bi al-Tafsir al-Kabir wa Mafatih al-Ghayb*, j. 14, Beirut: Dar al-Fikr.